

FORMAT PERTANDINGAN LIGA HUFFAZ

PENYERTAAN : 1) MRSM GEMENCHEH
2) MRSM KOTA PUTRA
3) MRSM KEPALA BATAS
4) MRSM SUNGAI BESAR

Syarat-syarat Pertandingan

- 1) Setiap peserta hanya boleh menyertai satu kategori pertandingan sahaja.
- 2) Setiap maktab diminta menyediakan **2 kumpulan** liga huffaz yang terdiri daripada **3 orang peserta bagi setiap kumpulan.**
- 3) Kumpulan pertama diwakili peserta lelaki dan kumpulan kedua diwakili peserta perempuan.
- 4) Soalan terdiridaripada **5 bahagian** iaitu :
 - a. Hafazan
 - i. Dari Juz' 1 sehingga Juz' 7
 - b. Terjemahan ayat, lafazkan ayat al-Quran berdasarkan terjemahan dan Soalan Ayat Hukum
 - i. Surah Al-Baqarah dan Surah Ali Imran.
 - c. Kisah-kisah dalam Al-Quran.
 - i. Surah Al-Baqarah dan Surah Ali Imran.
 - d. Soalan berkaitan Sains Al-Quran.
 - i. Juz' 1 hingga juz' 30
 - e. Asbabul Nuzul
 - i. Juz' 1 hingga juz' 3.
 - f. Hafazan Hadis
 - i. Hadis Tingkatan 1-3 sahaja.
- 5) Bacaan Al-Quran hendaklah menggunakan *qiraat Hafs an Asim*.
- 6) Mashaf terjemahan Al-Quran yang dicadangkan untuk digunakan sebagai rujukan bagi melihat terjemahan ayat, kisah-kisah dalam Al-Quran dan hukum-hakam dalam al-Quran adalah menggunakan (AL-QURAN TAJWID DAN TERJEMAHAN: Beserta Asbabun Nuzul, Hadith Sahih dan Indeks Tematik ;Penerbit HUMAIRA BOOKSTORE ENTERPRISE).

Perjalanan pertandingan

- 1) Kedudukan peserta adalah seperti berikut:

HUFFAZ A (LELAKI)	HUFFAZ B (PEREMPUAN)
KOTA PUTRA A	KOTA PUTRA B
GEMENCHEH A	GEMENCHEH B
KEPALA BATAS A	KEPALA BATAS B
SUNGAI BESAR A	SUNGAI BESAR B

- Setiap pasukan akan diundi bagi menentukan nombor kumpulan.

- 2) Bagi setiap kumpulan liga pertandingan akan berlangsung dalam 3 pusingan sebagaimana berikut :

Pusingan 1	Kumpulan 1 vs Kumpulan 2
Pusingan 2	Kumpulan 3 vs Kumpulan 4
Pusingan 3	Kumpulan 1 vs Kumpulan 3
Pusingan 4	Kumpulan 2 vs kumpulan 4
Pusingan 5	Kumpulan 1 vs kumpulan 4
Pusingan 6	Kumpulan 2 vs kumpulan 3

- 3) Peringkat separuh akhir juara kumpulan liga akan bertemu naib juara bagi memilih kumpulan yang akan bertemu di peringkat akhir.

Separuh Akhir	Juara HUFFAZ A vs Naib Juara HUFFAZ B Juara HUFFAZ B vs Naib Juara HUFFAZ A
Akhir	Dua kumpulan juara pada peringkat separuh akhir akan bertemu di peringkat akhir.

- 4) Perlawanan akan dimulakan dengan mempersilakan dua kumpulan yang diundi awal.
- 5) Dua kumpulan yang bertanding akan duduk di hadapan. Seterusnya soalan akan dikemukakan oleh hakim.
- 6) 21 soalan akan dikemukakan dalam setiap pusingan. Berikut adalah senarai tertib soalan yang akan dikemukakan:
- Soalan Hafazan** : Setiap ahli dalam kedua-dua kumpulan akan disoal dengan soalan hafazan. Setiap soalan hafazan adalah sebanyak lima baris sahaja.
 - Soalan Terjemahan Ayat, lafazkan ayat Al-Quran berdasarkan ayat dan Soalan Ayat Hukum** : Setiap ahli dalam setiap kumpulan akan diundi samada mendapat soalan terjemahan Bahasa Melayu, beri ayat Al-Quran atau ayat hukum. Tiga soalan ini adalah bagi setiap kumpulan.

- iii) **Soalan Kisah Al-Quran:** Setiap kumpulan akan dibacakan satu soalan kisah Al-Quran dan satu soalan yang terakhir adalah soalan rebutan. Terbuka kepada mana-mana ahli yang ingin menjawab.
- iv) **Soalan Sains Al-Quran :** Setiap kumpulan akan dibacakan satu soalan Sains Al-Quran dan satu soalan yang terakhir adalah soalan rebutan. Terbuka kepada mana-mana ahli yang ingin menjawab.
- v) **Asbabul nuzul :** Setiap kumpulan akan dibacakan satu soalan asbabun nuzul dan satu soalan terakhir adalah soalan rebutan. Terbuka kepada mana-mana ahli yang ingin menjawab.
- vi) **Soalan Hadis :** Setiap kumpulan akan dibacakan satu soalan hadis dan satu soalan terakhir adalah soalan rebutan. Jawapan adalah matan dan maksud hadis (Rujuk buku modul Hadis MRSM UA). Terbuka kepada mana-mana ahli yang ingin menjawab.

Sistem Pemarkahan

- 1) Bagi soalan wajib (hafazan) 10 saat akan diberikan untuk peserta memulakan jawapan. Markah penuh bagi soalan hafazan ialah 20 markah. Peserta akan dinilai berdasarkan kelancaran/fasahah dan tajwid mengikut skema pemarkahan syafawi Al-Quran. Sekiranya peserta dapat menjawab dengan tepat 20 markah akan diberikan. Sekiranya peserta tidak dapat menjawab soalan rakan sekumpulan dibenarkan menjawab dan sekiranya betul markah maksima adalah 10 markah sahaja. Sekiranya rakan tidak dapat membantu soalan seterusnya akan dibaca untuk kumpulan lawan.
- 2) Bagi soalan undian setiap ahli wajib menjawab soalan yang telah diundi dan soalan tidak akan dibuka kepada rakan dan kumpulan lawan sekiranya beliau tidak dapat menjawab soalan.
- 3) Bagi soalan rebutan, kumpulan yang pantas menekan loceng akan dibenarkan menjawab soalan. 10 saat akan diberikan untuk kumpulan memulakan bacaan jawapan. Sekiranya kumpulan dapat menjawab soalan dengan tepat 10 markah akan diberikan. Sekiranya kumpulan tersebut tidak dapat menjawab soalan, markah akan dipotong 2 markah tetapi soalan yang sama akan berpindah kepada kumpulan kedua. Sekiranya kumpulan kedua dapat menjawab dengan baik 5 markah akan diberikan. Jika kedua-dua kumpulan tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan soalan seterusnya akan dibaca.
- 4) Setiap jawapan yang kurang tepat akan dipotong 1 atau 2 markah.
- 5) Markah setiap pusingan akan dicampur untuk memilih juara kumpulan.

PERINGATAN

1. Keputusan hakim adalah muktamad.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Liga Huffaz** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan iaitu **Ustaz Mohd Fahimi Bin Shaffie** di talian **019-5622588**.
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)**.